



Latihan Pengukuhan

A. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Beliau amat _____ negara ini dan sanggup berkorban apa-apa sahaja untuk mempertahankannya.
A sayangkan B sayang akan
- Buku-buku yang dijual di pameran itu _____ belaka.
A murah B murah-murah
- Rama-rama yang terbang di taman itu _____ belaka.
A cantik B cantik-cantik
- Pakaian yang dijual di pasar raya itu _____ dan mampu dimiliki sesiapa sahaja.
A betul murah B murah betul
- Rumah baharunya di bandar raya itu _____ sekali dan harganya mencecah jutaan ringgit.
A amat cantik B paling cantik
- Pemain pasukan bola keranjang sekolah kita _____ belaka.
A tinggi B tinggi-tinggi
- Budak yang _____ di kelas kamu itu lulus dengan cemerlang.
A teramat bijak B tersungguh bijak
- Shakir berasa amat sedih apabila _____ kejadian kemalangan itu.
A tahu B tahu akan
- Banyak orang _____ kebijaksanaan Raihan dalam pelbagai perkara.
A amat kagum akan B amat mengagumi akan
- Pepohon di tepi pantai itu sudah tua dan _____ belaka.
A tinggi B tinggi-tinggi

B. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Mereka keracunan kerana makan makanan yang sudah _____.
A busuk B tengik C basi D hapak
- Kami berkelah dan berteduh di bawah pohon yang _____ di tepi sungai itu.
A kontot B pendek C lebar D rendang
- Zainal kemalangan kerana memandu kereta dengan lajunya di jalan yang _____.
A bongkok B cerun C condong D curam
- Lelaki yang berperut _____ itu sering tidak berbaju semasa duduk berehat.
A boroi B besar C nipis D luas

5. Emak menjadi semakin _____ apabila ayah belum pulang dari laut sedangkan hari semakin larut.
A curiga **B** waswas **C** gelisah **D** kelu
6. Emak menumbuk cili sehingga _____ untuk dijadikan sambal belacan sebagai hidangan tengah hari.
A tebal **B** lumat **C** kecil **D** lemau
7. Nasi yang ditanak oleh pembantu rumah menjadi _____ kerana terlebih air.
A halus **B** keras **C** lembik **D** lembut
8. Rasa pisang itu masih _____ apabila dimakan kerana belum cukup masak.
A tawar **B** masin **C** kelat **D** manis
9. Tilam itu berbau _____ kerana tidak pernah dibasuh cadarnya sejak membelinya.
A hancing **B** harum **C** hamis **D** hapak
10. Akibat hujan dan angin yang _____, bumbung rumah diterbangkan angin.
A kuat **B** kencang **C** pantas **D** laju



A. Kenal pasti kesalahan tatabahasa dalam ayat di bawah.

1. Persembahan penyanyi itu amat hebat sekali dan memuaskan hati para penonton yang menyaksikannya semalam. Tiada kesalahan.
A B
C D
2. Rumah besar di tepi bukit yang berhampiran sawah padi itulah yang paling cantik di perkampungan Melayu tradisional ini. Tiada kesalahan.
A B
C D
3. Kanak-kanak amat takut untuk menghampiri rumah itu kerana takutkan anjing garang peliharaan pemiliknya yang berketurunan Cina. Tiada kesalahan.
A B
C D
4. Daripada semua murid di dalam kelas ini, Adamlah seorang murid yang mendapat markah paling tinggi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Tiada kesalahan.
A B
C D
5. Para penonton kelihatan gembira benar apabila menyaksikan persembahan kebudayaan dari utara tanah air kita semalaman. Tiada kesalahan.
A B
C D